KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	21/12/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	TNB			

HM 21.12.2021_18



PENDUDUK mengemas peralatan dan membersihkan rumah yang dilanda banjir di Hulu Langat, semalam. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

Beri pengecualian bil api, air mangsa banjir

Kuala Lumpur: Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) diminta memberi pengecualian bil air dan elektrik kepada mangsa banjir yang terkesan dengan musibah itu.

Ahli Parlimen Segambut Hannah Yeoh berkata, perkara itu dibangkitkan sendiri oleh penduduk yang terkesan kerana perlu menggunakan sumber air dan elektrik dalam kuantiti yang banyak untuk membersihkan rumah selepas dilanda bencana itu.

"Oleh kerana kerja pembersihan yang sangat besar, jadi ia mengambil banyak penggunaan air dan elektrik, jadi mereka (mangsa) nak dikecualikan pembayaran bil untuk bulan ini," katanya pada sidang media di Parlimen, di sini, semalam.

Beliau berkata, urusan pembersihan dan membaik pulih rumah serta membeli perkakas baharu juga memerlukan masa yang panjang.

Selain itu, beliau mahu kerajaan membuat pendirian tegas dengan meminta majikan swasta memberikan cuti bergaji kepada mangsa banjir sama seperti yang diumumkan kepada penjawat awam bagi membolehkan mereka menguruskan kerja pembersihan.



HANNAH

Hannah turut meminta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menghulurkan bantuan segera kepada mangsa banjir bagi memastikan tiada warga emas dan orang kurang upaya (OKU) yang terlepas daripada mendapat bantuan segera.